

DAP akan jelajah seluruh negara jelaskan pemilihan semula CEC, kata Guan Eng
Malaysian Insider
Aug 16 , 2013
Oleh Md Izwan

Lim Guan Eng mengumumkan DAP akan mengadakan jelajah seluruh negara bagi menjelaskan keputusan mengadakan pemilihan semula Jawatankuasa Eksekutif Pusat (CEC) kepada semua ahlinya, serta mengulangi dakwaan salah guna kuasa Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (RoS) menekan parti itu.

Semalam, Pengerusi DAP, Karpal Singh dalam satu kenyataan mengumumkan DAP bersetuju mengadakan pemilihan semula CEC selepas berbulan-bulan kontroversi itu berlarutan.

"Pemimpin DAP akan menjelajah seluruh negara untuk menjelaskan kemunasabahan keputusan terkini selepas CEC 2008-2011 berjumpa Khamis ini," kata Setiausaha Agung DAP tersebut dalam satu kenyataan hari ini.

Lim mendakwa, RoS sehingga kini masih gagal memberikan sebarang bukti kukuh ke atas tuduhan mereka yang mengatakan parti memanipulasi pemilihan CEC lalu serta memberikan alasan tidak berasas.

"Tidak dapat disangkal lagi RoS berulang kali bertindak secara tidak profesional, tidak beretika dan melanggar undang-undang dengan membuat kenyataan media yang tidak berasas atau sah disisi undang-undang," kecam Ketua Menteri Pulau Pinang itu.

Lim berkata, keputusan mengadakan pemilihan semula bertujuan mengelak RoS daripada sekali lagi menyalahguna kuasa mereka dengan membatalkan pendaftaran parti.

"Ia semata-mata bertujuan menghalang RoS daripada sekali lagi menggunakan peluang untuk menyalah guna kuasa mereka dengan membatalkan parti," katanya.

Semua delegasi CEC 2008-2011 akan berjumpa pada Khamis depan untuk membincangkan persediaan bagi mengadakan pemilihan semula CEC.

Pada 30 Julai lalu, ROS mengarahkan DAP mengadakan pemilihan semula CEC dan memaklumkan ia tidak berpuas hati dengan penjelasan yang diberikan oleh parti itu berhubung isu penyelewengan undi pada pemilihan CEC dan isu manipulasi undi membabitkan 547 perwakilan. - 16 Ogos, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/dap-akan-jelajah-seluruh-negara-jelaskan-pemilihan-semula-cec-kata-guan-eng>

